



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

KECAMAN KEPADA GOLONGAN TASYABBUH

Oleh:

**BAHAGIAN MAKTABAH
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK**

Umum mengetahui bahawa manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang paling terbaik dan mengatasi pelbagai ciptaanNya yang lain. Manusia diciptakan dengan pelbagai kesempurnaan dan dilengkapi dengan kesempurnaan akal untuk memastikan manusia ini berbeza dengan ciptaan lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Tin ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”*

Akhir-akhir ini, perbuatan *tasyabbuh* iaitu lelaki menyerupai kelakuan dan gerak-geri wanita serta wanita menyerupai kelakuan dan gerak-geri lelaki semakin berleluasa. Ini dapat dilihat melalui perlakuan ramai wanita yang berlagak, berpakaian dan berkeadaan seperti lelaki iaitu dalam memotong rambut, gerak-geri, lagak laku dan seumpamanya. Manakala, terdapat pula lelaki yang menyerupai wanita dengan cara memakai pakaian dan perhiasan wanita seperti subang, rantai tangan, rantai leher dan sebagainya. Kesemua tersebut merupakan perkara yang dikutuk sekeras-kerasnya oleh Allah SWT. Ini berdasarkan kepada sebuah hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Abbas RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW melaknat golongan yang menyerupai perempuan daripada kalangan lelaki, dan golongan yang menyerupai lelaki daripada kalangan perempuan.*”

Dalam kita mendepani arus kemodenan, terdapat pelbagai platform media sosial yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Kekhayalan dan keseronokan yang melampau dalam menggunakan media sosial mengakibatkan sebahagian besar umat Islam tergelincir dari landasan syarak. Terdapat golongan yang telah melakukan perkara yang tidak dibenarkan oleh syarak, iaitu dengan menyerupai jantina yang berlawanan daripada mereka. Ada lelaki yang berpakaian menyerupai wanita dan ada pula wanita yang berpakaian menyerupai lelaki. Perbuatan ini jelas telah dilarang oleh Rasulullah SAW berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لُبْسَةَ الْمَرْأَةِ، وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لُبْسَةَ الرَّجُلِ

Maksudnya: “*Allah melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.*”

(HR Imam Nawawi)

Larangan oleh Allah dan Rasulullah ini adalah untuk menyelamatkan manusia daripada terjerumus ke dalam lembah kebinasaan. Sejarah telah menunjukkan tentang perbuatan kaum Nabi Lut yang pada asalnya atas dasar ‘keseronokan’ berubah menjadi suatu perkara yang terpesong dan dilaknat oleh Allah SWT. Ini merupakan sebuah mesej yang jelas kepada manusia agar mereka tidak berjinak-jinak dengan perbuatan mungkar tersebut.



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Namun, tegahan ini dilihat semakin tidak diendahkan dari hari ke hari. Dalam media sosial contohnya, wujud mereka yang sanggup melakukan perbuatan terlarang ini demi untuk mendapatkan rezeki dan keuntungan. Walhal, keuntungan yang diperolehi tersebut tidak akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Hal ini kerana mereka mendapatkan rezeki daripada sumber yang batil. Golongan-golongan ini terdiri daripada pengengaruh (*influencer*) malahan orang biasa.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan mereka ini melakukan perbuatan sedemikian. Antaranya untuk menjadikannya sebagai kandungan (*content*) dalam media sosial mereka, melariskan perniagaan serta meningkatkan populariti. Keadaan ini boleh memberikan kesan negatif terhadap anak muda dan remaja sebagai pengguna media sosial yang terbesar. Generasi muda lebih mudah terpengaruh dan mengikuti apa yang telah dilihat tanpa mengetahui sama ada perkara tersebut baik atau buruk.

Oleh yang demikian, pengengaruh (*influencer*) yang dikenali di media sosial seharusnya menjaga tata tertib dan tidak melakonkan sebarang watak yang boleh mencemarkan kesucian agama termasuklah menyerupai jantina berlawanan daripada mereka. Sebarang usaha untuk memberikan pengetahuan dan teguran kepada masyarakat adalah dihargai, tetapi janganlah dicemari dengan kandungan-kandungan (*content*) yang mencemarkan kesucian Islam. Sebagai *influencer* yang mempunyai ramai pengikut (*followers*), seharusnya *content* yang dibuat adalah mengajak masyarakat ke arah kebaikan. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Mas'ud 'Uqbah RA:

مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Maksudnya: “*Barangsiapa yang menunjukkan sesuatu kebaikan, maka baginya seperti pahala orang yang melakukannya.*”

(HR Muslim)

Tambahan pula, kemunculan program-program realiti di televisyen juga menjadi faktor perbuatan *tasyabbuh* ini semakin berluasa dan sukar dikawal. Ini kerana mereka terpaksa memerah keringat dan idea untuk memberi persembahan yang terbaik. Maka dengan itu, mereka tidak lagi memikirkan tentang larangan Allah SWT terhadap perbuatan tersebut. Wujud di antara mereka yang tanpa segan silu sanggup untuk melakonkan watak yang bukan sejantina dengan memakai pakaian dan solekannya. Mereka sanggup melakukan semua itu semata-mata untuk mendapatkan kemenangan dan habuan yang dijanjikan. Sedarlah hasil yang diperolehi melalui perbuatan yang *syubhah* tidak akan menjamin rezeki yang diberkati. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa’ ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah.*”



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK

Begitu juga *tasyabbuh* yang bertujuan untuk mempamerkan diri sebagai 'lelaki cantik' atau 'wanita tampan'. Penyerupaan tersebut menunjukkan bahawa dia telah menipu diri sendiri terlebih dahulu sebelum menipu orang lain. Tidak dapat dipastikan apa motifnya, sama ada nafsu yang terpesong atau ingin menunjukkan kemegahan diri. Kecantikan yang bukan secara asal dan ketampanan yang bukan secara fitrah tersebut telah menjadikan mereka ini sebagai golongan yang mengubah ciptaan Allah SWT. Hakikatnya lelaki tetap fitrahnya lelaki, dan wanita akan tetap fitrahnya sebagai seorang wanita. Segala ketentuan ini tidak dapat diubah sehingga hari kiamat.

Kesimpulannya, perbuatan *tasyabbuh* sepatutnya di jauhi dan dihindari oleh umat Islam kerana ia merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar yang dijanjikan azab pedih di akhirat kelak. Tubuh badan yang dikurniakan oleh Allah SWT ini tidak seharusnya disalahguna dan diubah kepada jalan yang ditegah syarak. Justeru, marilah kita bersama-sama menginsafi diri dengan meninggalkan larangan Allah dan melaksanakan suruhanNya. Firman Allah SWT dalam surah al-Syura ayat 37:

وَالَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ

Maksudnya: Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji; dan apabila mereka marah (disebabkan perbuatan yang tidak patut terhadap mereka), mereka memaafkannya;